

Majlis Resepsi Hari Kemerdekaan, Kebangsaan Bangladesh

Oleh : Noorati Haji Abas
Foto : Haji Masmah Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 31 Mac. - Suruhanjaya Tinggi Bangladesh di Brunei Darussalam hari ini mengadakan Majlis Resepsi Sambutan Hari Kemerdekaan dan Kebangsaan Ke-45 Bangladesh di Songket Ballroom, Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah dan isteri, Datin Hajah Rosnah binti Pehin Datu Inderastugara Dato Seri Laila Jasa Haji Johari.

Majlis dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan Bangladesh dan diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an yang dibacakan oleh Awang Mohamad Bozlor Rahman dari Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Upacara kemuncak ialah acara

memotong kek Sambutan Hari Kemerdekaan dan Hari Kebangsaan Ke-45 Bangladesh dan juga penyampaian cenderahati kepada tetamu kehormat majlis disampaikan oleh Pesuruhjaya Tinggi Bangladesh ke Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Mohammed Abdul Hye dan isteri, Puan Dr. Tahmina Begum.

Terdahulu sebelum itu, TYT Mohammed Abdul Hye dalam ucapannya menyentuh tentang perkembangan Bangladesh setelah mencapai 45 tahun kemerdekaan, di samping hubungan dua hala kedua-dua buah negara dalam pelbagai bidang antaranya kebudayaan, pendidikan, kesenian dan sebagainya.

TYT turut melahirkan ucapan terima kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan juga kerajaan Brunei kerana memberikan peluang pekerja-pekerja dan pelajar-pelajar dari Bangladesh dalam

mempamerkan kepakaran, kebolehan dan kemahiran mereka di negara tersebut.

MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah dan Datin bersama-sama dengan Pesuruhjaya Tinggi Bangladesh ke Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Mohammed Abdul Hye dan isteri memotong kek sempena Hari Kemerdekaan dan Kebangsaan Ke-45 Bangladesh.



Belia tonggak kekuatan negara



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Haji Othman bergambar ramai bersama Persatuan Silat Belait yang diketuai oleh Awang Haji Zabidi bin Haji Ali.

19 pelatih ikuti fasa latihan penempatan kerja

Oleh : Noorati Haji Abas
Foto: Mohd. Zul-Hzzi Haji Duraman

Megamas Training Company Sdn. Bhd. sebagai konsultant Kursus Pemandu Jentera Berat.

Beliau berharap para pelatih menonjolkan kualiti kerja yang tinggi, profesional dan disiplin semasa menjalani fasa penempatan kerja nanti.

Seramai 19 orang pelatih telah berjaya lulus ujian kelayakan yang dikendalikan oleh Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) bagi menceburi bidang pekerjaan sebagai jentera berat yang berkelayakan dan profesional.

MoU ditandatangani di antara Megamas Training Company Sdn. Bhd. dengan beberapa buah syarikat, antaranya MOC Sdn. Bhd.; Brunei Transportation Sdn. Bhd.; Razali Amat Sdn. Bhd.; Ready Mix Sdn. Bhd.; Yong Kiam Pin Sdn. Bhd.; Sling Max Sdn. Bhd.; Pengangkutan Tiga Muara Sdn. Bhd.; PSK Logistik Sdn. Bhd., dan PHLS Sdn. Bhd.

Menandatangani MoU bagi pihak Megamas Training Company Sdn. Bhd. bersama wakil-wakil syarikat berkenaan ialah Timbalan Pengerusi Besarnya, Awang Haji Mahumud bin Haji Idris.

Pada 1 April 2015, para pelatih tersebut akan memulakan fasa latihan seterusnya, iaitu fasa latihan penempatan kerja bersama syarikat-syarikat berkenaan yang akan memberikan kerjasama dan sokongan dalam melaksanakan fasa penempatan kerja pada kursus kali ini.

SERIA, Selasa, 31 Mac. - Jatuh dan banggunya sebuah negara pada masa depan amat bergantung kepada peranan yang dimainkan oleh belia yang merupakan tonggak kekuatan negara.

Mereka perlu diasuh, dilengkapkan dengan ilmu dan memiliki kemahiran hidup, kepimpinan, agama, kerohanian dan perlu mempunyai minda serta fizikal yang sihat, bersedia untuk berdaya saing dan mempunyai sikap yang positif serta berdikari pada menghadapi sebarang cabaran.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti haji Othman menekankan, belia yang berkualiti dengan ilmu, kemahiran dan berakhlak mulia akan mampu menjadi sumber tenaga manusia yang diharap oleh negara dan mempunyai ciri-ciri 'Generasi Berwawasan' yang mampu bersama dalam menyumbang ke arah pembangunan dan kemajuan negara.

"Para belia perlu mempunyai semangat jati diri, ketahanan diri fizikal dan mental, bergiya patriotik, berdisiplin serta mempunyai nilai-nilai murni sebagai anak Brunei yang bercaklappi identiti kebrunian yang berkonsepkan Melayu Islam Beraja (MIB)," jelasnya semasa perasmian Perhimpunan Belia Daerah Belait 2015 yang diadakan di Pusat Insani, Mukim Seria, di sini.

Menurutnya, belia juga perlu ada *sense of social responsibility* yang memahami aspirasi negara 'Wawasan Negara 2035' untuk menjadikan Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang mempunyai ekonomi dinamik dan mapan, rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi dan yang menikmati kualiti hidup yang baik.

Katanya, untuk mencapai Wawasan 2035, sudah tentunya memerlukan usaha dari semua pihak terutamanya para belia yang bakal mewarisi negara yang dicintai ini.

Beliau menambah belia yang dinamik, kreatif, berinovatif serta bertanggungjawab merupakan belia yang benar-benar diperlukan untuk menggerakkan negara ini ke arah pencapaian Wawasan 2035.

Belia yang mempunyai *mindset*

Berita dan Foto: Noraisah Muhammed

yang positif, berkeyakinan diri yang tidak terlalu bergantung kepada kerajaan adalah selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia semasa Majlis Belia Kebangsaan Ke-8 menekankan agar para belia perlu menukar pemikiran (*mindset*) ke arah perubahan sikap, di mana mereka tidak akan terlalu bergantung kepada kerajaan untuk mendapatkan pekerjaan dan para belia semestinya lebih bersedia untuk merebut peluang di sektor swasta dan dalam bidang keusahawanan.

Yang Mulia Datin Paduka juga menyentuh mengenai proses pendewasaan golongan belia adalah satu proses yang rumit, ia tidak ada jalan mudah dan kesan positif yang bolch dilakukan untuk menjamin pembangunan belia di negara ini.

Dari itu adalah sangat penting bahkan menjadi tanggungjawab semua pihak termasuk ibu bapa dan penjaga hendaklah bekerjasama dan bergandeng bahu di dalam meningkatkan pemedulian terhadap belia-belie dalam memberi bimbingan agar mereka menjadi generasi belia yang cokol dan bertanggungjawab.

Usaha sepadu dari semua golongan masyarakat adalah mustahak untuk menyediakan program membangun *mindset* dalam sama-sama menyumbang bagi proses pendewasaan belia tersebut sesuai dengan anjuran Perhimpunan Belia yang akan diadakan selama tiga hari itu sebagai salah satu usaha untuk menanam dan menyemai nilai-nilai murni dan jati diri generasi belia yang berwawasan sebagai mana yang dihasratkan oleh negara.

Beliau menyucu kepada para belia agar terus proaktif dalam menyumbang kepada negara dengan memberikan yang terbaik bagi membentuk masa depan negara.

Sementara itu, Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman pula menjelaskan merasa terpenggil untuk memimpin, mengajak, memandu dan memudah cara masyarakat belia di daerah berkenaan supaya mereka dapat mengikuti

rancangan-rancangan atau aktiviti-aktiviti yang dapat memberikan kesedaran, pengalaman dan impak yang mendalam khususnya kesedaran akan pentingnya para belia hidup bermasyarakat, berkerajaan dan bernegara.

"Semua itu, atas semangat dan keprihatinan terhadap masyarakat belia di Daerah Belait khususnya dan atas kesedaran betapa pentingnya mereka menjadi generasi berwawasan, berjaya besar, mempunyai pemikiran positif, berdaya saing dan berdaya maju," jelasnya

Beliau menambah para belia juga sama-sama berperanan merealisasikan hasrat negara, hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, mempertahankan sistem peremerintahan beraja, mendukung MIB dan menyangkut Wawasan Negara 2035, merealisasikan Negara Zikir, menghargai pengorbanan para pemimpin negara baik yang dahulu dan sekarang.

Majlis berkenaan juga diserikan dengan ceramah motivasi yang disampaikan oleh Penolong Pengarah Bahagian Kauseling dan Kerjaya, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafar.

Perhimpunan Belia Daerah Belait 2015 kendalian bersama Jabatan Daerah Belait dan Jabatan Belia dan Sukan, Kawangan Daerah Belait dihasratkan untuk memimpin dan mendorong para belia untuk mendukung generasi berwawasan, di samping sama-sama berusaha merealisasikan dan menjadikan negara Brunei Darussalam sebuah Negara Zikir.

Perhimpunan berkenaan juga memberi motivasi agar para belia sentiasa mengamalkan pemikiran dan anjakan minda agar mereka sentiasa dinamik, progresif serta berkomunikasi dengan positif dan dapat menanganai kehidupan dengan penuh kejayaan.



PEMANGKU Penolong Pengarah PPB, Awang Hasmandi bin Haji Osman semasa berucap pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi Pelaksanaan Penempatan Kerja Kursus Pemandu Jentera Berat Kali Ke-4 Sesi 2015.

TANAH JAMBU, Selasa, 31 Mac. - Pihak Pusat Pembangunan Belia (PPB) melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) sentiasa berusaha membantu melatih belia-belie dalam melahirkan belia yang berkemahiran serta mempunyai kelayakan yang bersesuaian untuk memenuhi keperluan pasaran pekerjaan.

Pemangku Penolong Pengarah PPB, Awang Hasmandi bin Haji Osman berucap demikian pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi Pelaksanaan Penempatan Kerja Kursus Pemandu Jentera Berat Kali Ke-4 Sesi 2015 di PPB berkenaan, di sini.

Menurutnya, pelaksanaan Kursus Pemandu Jentera Berat masih lagi diteruskan dengan kerjasama